

Bil. S 20

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Penggantian gelaran panjang Penggal 127.
 3. Pindaan bab 1.
 4. Penggantian bab 2.
 5. Pemasukan bab-bab 2A dan 2B baru.
 6. Pindaan bab 3.
 7. Pindaan bab 4.
 8. Pindaan bab 4A.
 9. Pindaan bab 5.
 10. Pemasukan bab 5B baru.
 11. Penggantian bab 6.
 12. Pindaan bab 7.
 13. Pemasukan bab 7A baru.
 14. Pindaan bab 9.
 15. Penggantian bab 10.
 16. Tambahan bab-bab 11 dan 12 baru.
 17. Peruntukan-peruntukan peralihan dan perkecualian.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Lesen-Lesen Rampaian [Pindaan], 2014, dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2015.

Penggantian gelaran panjang Penggal 127.

2. Gelaran panjang Akta Lesen-Lesen Rampaian, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dimansuhkan dan digantikan dengan gelaran panjang baru yang berikut —

“Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan, pengawalseliaan dan pengawalan aktiviti tertentu dan tempat perdagangan tertentu dan bagi perkara yang berhubungan dan bersampingan dengannya”.

Pindaan bab 1.

3. Bab 1 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Rampaian” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Perniagaan”.

Penggantian bab 2.

4. Bab 2 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“pegawai yang diberi kuasa” bermakna seseorang yang dilantik di bawah bab 2B;

“lesen” bermakna suatu Lesen Perniagaan yang dikeluarkan di bawah bab 3;

“pihak berkuasa melesen” bermakna pihak berkuasa melesen yang dilantik di bawah bab 2A(1);

“Menteri” bermakna Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.”

Pemasukan bab-bab 2A dan 2B baru.

5. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 2 dua bab baru yang berikut —

“Pihak berkuasa melesen.

2A. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik pihak berkuasa melesen bagi maksud-maksud Akta ini.

(2) Pihak berkuasa melesen itu hendaklah, tertakluk kepada apa-apa arahan Menteri, bertanggungjawab bagi menyelia secara am pelaksanaan dan pentadbiran Akta ini.

Pegawai yang diberi kuasa.

2B. Menteri boleh dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* melantik sebilangan pegawai yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan tertentu Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.”

Pindaan bab 3.

6. Bab 3 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “lesen” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “Lesen Perniagaan”.

Pindaan bab 4.

7. Bab 4 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam nota tepi, dengan memotong “lesen-lesen pembatalan” dan menggantikannya dengan “, penggantungan atau pembatalan lesen”;

(b) dalam cerai (1), dengan memotong “dari bab ini” dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan “dan bab 4A,”;

(c) dalam cerai (2), dengan memasukkan “menggantung atau” sejurus sebelum “membatalkan” dalam baris pertama;

(d) dengan memotong cerai (3) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(3) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan penolakan pihak berkuasa melesen untuk memberikan suatu lesen atau dengan keputusan pihak berkuasa melesen untuk menggantung atau membatalkan suatu lesen boleh, dalam masa 14 hari dari tarikh menerima notis penolakan, penggantungan atau pembatalan tersebut, merayu secara bertulis kepada Menteri, yang keputusannya itu adalah muktamad.”.

Pindaan bab 4A.

8. Bab 4A dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraiian (1), dengan memotong “pegawai kerajaan” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “orang atau badan”.

Pindaan bab 5.

9. Bab 5 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “mana-mana pegawai kerajaan yang diberi kuasa oleh Menteri” dari baris keempat dan menggantikannya dengan “pegawai yang diberi kuasa”.

Pemasukan bab 5B baru.

10. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 5A bab baru yang berikut —

“Kuasa untuk menutup tempat.

5B. Jika pihak berkuasa melesen telah menggantung suatu lesen di bawah bab 4(2), pihak berkuasa melesen boleh, dengan notis secara bertulis, memerintahkan penutupan tempat yang disebut dalam lesen itu selama tempoh penggantungan itu.”.

Penggantian bab 6.

11. Bab 6 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Kesalahan.

6. Mana-mana orang yang —

(a) membuat atau menyebabkan supaya dibuat apa-apa pernyataan atau pengisytiharan yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material;

(b) memberikan apa-apa dokumen atau maklumat yang diketahuinya adalah palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material;

(c) memadam, mengusik, memotong atau mengubah apa-apa tanda pengendorsan atau catatan yang terkandung dalam suatu lesen;

(d) gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya; atau

(e) melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya,

adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.”

Pindaan bab 7.

12. Bab 7 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraiian (1), dengan memasukkan “dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$100 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan” sejurus selepas “\$10,000” dalam baris akhir.

Pemasukan bab 7A baru.

13. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 7 bab baru yang berikut —

“Komposisi kesalahan.

7A. (1) Pihak berkuasa melesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa melesen secara bertulis bagi maksud itu boleh mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi \$500.

(2) Setelah jumlah wang tersebut dibayar, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan tersebut.”

Pindaan bab 9.

14. Bab 9 dari Akta itu adalah dipinda, dalam nota tepi, dengan memotong “Pengecualian” dan menggantikannya dengan “Tidak melemahkan”.

Penggantian bab 10.

15. Bab 10 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Pengecualian.

10. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengecualikan, dengan atau tanpa syarat, apa-apa perdagangan, perniagaan, pekerjaan atau tempat, yang dibuka atau dijalankan oleh mana-mana orang atau golongan orang, daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Menteri boleh menggantung atau membatalkan pengecualian yang diberikan di bawah ceraiian (1) atas alasan bahawa syarat-syarat yang tertakluk kepadanya pengecualian itu diberikan telah tidak dipatuhi atau kerana sebarang sebab lain.”

Tambahan bab-bab 11 dan 12 baru.

16. Akta itu adalah dipinda dengan menambah dua bab baru yang berikut —

“Pindaan Jadual.

11. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda Jadual.

Peraturan-peraturan.

12. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan maksud-maksud dan peruntukan-peruntukan Akta ini, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa hal lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini, dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya, dan peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak.”

Peruntukan-peruntukan peralihan dan perkecualian.

17. (1) Setiap permohonan lesen yang belum lagi diputuskan yang akan dikeluarkan di bawah Akta itu yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah dianggap sebagai permohonan bagi Lesen Perniagaan.

(2) Apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah Akta itu dan berkuat kuasa sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh selebihnya lesen itu dan hendaklah ada sehingga tamat tempohnya.

{3} Mana-mana pegawai kerajaan yang diisytiharkan sebagai pegawai yang diberi kuasa di bawah Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah terus menjadi pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta itu seolah-olah pegawai kerajaan tersebut telah dilantik di bawah bab 2B dari Akta itu.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 28 haribulan Disember, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM